

Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi

The Concept of Knowledge According to the Perspective of Syed Sheikh Ahmad al-Hadi

ADIBAH SULAIMAN @ MOHAMAD
EZAD AZRAAI JAMSARI
NURLIYANA MOHD TALIB

ABSTRAK

Pembangunan tamadun manusia berkait rapat dengan tahap dan penguasaan ilmu pengetahuan yang dimiliki masyarakatnya. Hal ini kerana ilmu adalah alat penting kepada individu yang membentuk sebuah institusi keluarga dan sebuah masyarakat yang berperanan sebagai pembina sesebuah tamadun. Artikel ini mengkaji perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi tentang ilmu pengetahuan yang merangkumi konsep, sifat, sumber dan hierarki ilmu. Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep ilmu menurut perspektif Syed Sheikh al-Hadi selaku seorang reformis yang vokal dan penulis yang prolifik pada zamannya. Selain itu, tujuan lain kajian ini adalah untuk menganalisis kaitan antara asas pemikirannya tentang ilmu dan sikap orang Melayu terhadap ilmu pengetahuan. Ia turut mengamati kesan sikap orang Melayu ke atas kedudukan sosial mereka. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian arkib dan analisis dokumen yang melibatkan pengumpulan data dan penganalisisan data diaplikasi untuk meneliti dan mengamati idea dan pandangan Syed Sheikh al-Hadi tentang ilmu pengetahuan. Dapatan kajian ini menunjukkan ilmu pengetahuan yang seimbang, iaitu yang mengintegrasikan antara ilmu agama (ilmu naqli) dan ilmu moden (ilmu 'aqli) akan memperlihatkan kepada mereka yang berakal satu konsep ilmu yang jelas. Kegagalan seseorang untuk mengakui kepentingan dan kaitan antara elemen ilmu, akal dan agama akan membawa kepada penyelewengan dalam tingkah laku dan amalan, serta kegagalan memahami peranannya yang sebenar terhadap agama, bangsa dan negara. Kajian ini mempunyai nilai signifikan dalam mendepani cabaran abad ke-21 kerana integrasi ilmu naqli dan ilmu 'aqli adalah masih relevan dalam mendepani arus kemajuan hari ini yang berteraskan sains dan teknologi.

Kata kunci: Ilmu; pendidikan; akal; tamadun Melayu

ABSTRACT

The development of human civilization is closely related to the level and mastery of knowledge possessed by a society. This is because knowledge is an important tool for individuals to form the family institution and a society which plays the role of building a civilization. This article studies the perspective of Syed Sheikh Ahmad al-Hadi encompassing the concept, nature, source and hierarchy of knowledge. The purpose of this research is to examine the concept of knowledge according to Syed Sheikh al-Hadi who was a vocal reformist and prolific writer of his time. Additionally, another purpose of this research is to analyze the connection between the basis of his thought on knowledge and the Malay attitude towards knowledge, and observe its effect on their social status. This is a qualitative research using archive study and document analysis involving data collection and data analysis is applied to examine and observe the ideas and views of Syed Sheikh al-Hadi regarding knowledge. Research findings show that balanced knowledge, that which integrates religious revealed knowledge (naqli) and modern rational ('aqli) knowledge, will show to the wise a clear concept of knowledge. Failure by one to recognize the importance and relation between the elements of knowledge, intellect and religion will lead to perversion in conduct and practice as well as failure to understand his true role in religion, race and country. This research has significant value in the face of 21st Century challenges because the integration of revealed (naqli) knowledge and rational ('aqli) knowledge is still relevant in dealing with today's current of progress based on science and technology.

Keywords: Knowledge; education; intellect; Malay civilization

PENGENALAN

Pembangunan dan kemajuan tamadun manusia adalah berkait rapat dengan tahap dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat. Ilmu menjadi alat yang amat penting kepada individu

yang membentuk institusi keluarga. Sesebuah institusi keluarga yang dibina oleh dua individu utama lazimnya berkembang membentuk sebuah masyarakat. Perkembangan ini menjadi lebih bermakna apabila setiap individu dalam sistem keluarga dan masyarakat memahami dan menjalankan

peranan masing-masing dalam membangunkan bangsa dan negara mereka. Pembangunan bangsa dan negara yang seimbang dari aspek material dan spiritual ke arah pembinaan sebuah tamadun yang kuat perlu berlunaskan integrasi antara ilmu naqli dan ilmu ‘aqli untuk memastikan individu, keluarga dan masyarakat yang menjadi tonggak negara memahami tujuan ilmu dan pendidikan yang sebenar. Dalam hal ini, kefahaman mereka tentang peri mustahak melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu baru yang berkembang seiring dengan perubahan zaman, di samping memantapkan diri dengan ilmu agama atau ilmu naqli yang disifatkan sebagai ilmu tradisional adalah amat perlu dalam sebuah kemajuan dan pencapaian material dan spiritual yang seimbang.

El-Edrus (1993) menjelaskan konsep ilmu yang berteraskan agama sewajarnya menjadi asas kepada falsafah pendidikan negara dan objektif utama dasar pendidikan ke arah melahirkan insan yang berilmu, bermoral dan berkeyakinan. Dalam masyarakat beragama, pendidikan bertujuan untuk menyemai iman yang mantap dalam diri, membina keyakinan yang mendalam kepada Allah SWT dan menyuburkan jiwa yang ingin menyumbang kepada bangsa dan negara. Matlamat ini dapat dicapai melalui pemahaman yang betul terhadap makna epistemologi yang menerangkan asal, sifat, karakter dan jenis ilmu pengetahuan. Epistemologi turut menjelaskan kefahaman yang betul kepada manusia tentang hubungannya dengan Allah SWT untuk mendorong manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang baik.

Skop kajian adalah terbatas kepada perbincangan Syed Sheikh Ahmad al-Hadi (seterusnya al-Hadi) tentang konsep, sifat, sumber dan hierarki atau jenis ilmu yang bertujuan untuk menjelaskan kepada masyarakat pada zamannya tentang kepentingan ilmu agar mereka dapat memainkan peranan untuk membangunkan bangsa dan tanah air sendiri. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti konsep ilmu menurut perspektif al-Hadi selaku seorang reformis yang vokal dan penulis yang prolific pada zamannya. Selain itu, tujuan lain kajian ini adalah untuk menganalisis kaitan antara asas pemikirannya tentang ilmu dan sikap orang Melayu terhadap ilmu pengetahuan. Ia turut mengamati kesan sikap tidak proaktif orang Melayu terhadap ilmu pengetahuan ke atas kedudukan sosial mereka dalam sebuah negara yang berbilang bangsa. Dalam hal berkaitan, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian arkib dan analisis dokumen yang melibatkan pengumpulan data dan penganalisan data diaplikasi untuk meneliti dan mengamati idea dan pandangan al-Hadi tentang ilmu pengetahuan.

KONSEP ILMU

Al-Hadi yang berketurunan Arab Hadramaut merupakan seorang tokoh reformis di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M (Adibah et al. 2011a; Adibah et al. 2011b). Beliau menjadikan surat khabar sebagai perantara untuk menyampaikan idea pembaharuan dari aspek sosial, ekonomi, politik, agama dan pendidikan. Antara majalah dan surat khabar yang banyak menyiarkan pandangan pembaharuannya ialah *al-Imam*, *al-Ikhwan* dan *Saudara*. Penerbitan pertama majalah *al-Imam* ialah pada tahun 1906. Akhbar *al-Ikhwan* dan *Saudara* masing-masing diterbitkan pada tahun 1926 dan 1928 oleh The Jelutong Press Penang, iaitu syarikat percetakan milik al-Hadi, meneruskan peranan *al-Imam* apabila penerbitannya dihentikan pada tahun 1908. Majalah *al-Imam* disifatkan oleh Roff (1972) sebagai majalah pembaharuan-Islam yang pertama di Tanah Melayu dan Indonesia pada masa itu. Pengaruh akhbar ini dapat dilihat daripada susulan penerbitan akhbar-akhbar pembaharuan lain di Tanah Melayu seperti *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1907, *Neracha* tahun 1910 dan *Lembaga Melayu* tahun 1914. Akhbar-akhbar tersebut bukan sahaja menyiarkan idea dan pandangan tentang pembaharuan agama, tetapi turut membincangkan isu wanita, orang Melayu, golongan tradisional, peranan akal, kemajuan, pendidikan dan ilmu pengetahuan. Isu ilmu pengetahuan diketengahkan untuk menyemai kepentingan minat terhadap ilmu dalam diri khalayak pembaca dan kalangan orang Melayu.

Peranan akhbar *al-Imam*, *al-Ikhwan* dan *Saudara* sebagai tiga wadah penting kepada al-Hadi untuk mengutarakan pemikiran beliau tentang ilmu dan pendidikan dijelaskan dalam *taglines* masing-masing, iaitu *al-Imam* dengan ‘Majalah Pelajaran, Pengetahuan, Persahabatan’. Manakala *al-Ikhwan* pula ialah ‘Majalah Pelajaran, Pengetahuan, Persahabatan, Perkhawaran’ dan *Saudara* dengan ‘Warta am, Pelajaran, Pengetahuan, Perkhawaran’. Isu-isu yang diutarakan dan dibincangkan dalam akhbar-akhbar ini memberi tumpuan kepada keperluan mendidik orang Melayu menerusi ilmu pengetahuan (Adibah et al. 2011c). Al-Hadi (Anon 1906: 2-3) memberi gambaran tentang konsep ilmu serta hubungan erat antara ilmu pengetahuan dan pendidikan sebagaimana berikut:

Tiada syak lagi bahawasanya umat yang pertama itu ialah umat yang menurut akan perintah Tuhannya maka mendapatlah ia barang yang dijanjikan-Nya. Telah menunjukkan kepada kita oleh tarikh bahawa tiap-tiap umat itu tiada dapat bangkit daripada tempat kejatuhannya dan tiada dapat keluar daripada lembah kehinaannya, dan tiada dapat sampai ia pada tempat

yang dikehendaknya daripada punca kemuliaannya dan cawang kemegahannya melainkan apabila mengambil ia bagi dirinya itu daripada pelajaran, suluh, yang menerangi akan dia dan menjadikan ia akan pengetahuan itu tangga yang dinaiki akan dia. Oleh kerana ilmu itu ialah asas (pangkal) yang dapat berdiri di atasnya tiap-tiap tiang kemenangan dengan tetap perdirinya, dan ia itulah rukun terhenti atasnya ikatan segala perkakas keramaian dan kesentosaan dan kelabaan pada dunia dan hari yang kemudian, maka dengan dia lah juga dapat menolaki segala bencana yang datang daripada *awham* (syak yang tiada betul) dan dapat memelihara segala kecederaan yang datang dari tergelincir *afham* (fikiran). Bermula pelajaran itu ialah fajar yakin dan ilmu itu mataharinya yang boleh menghapuskan malam yang gelap gelita, dan ia itulah rahsia yang tiada dapat meliputi akan dia melainkan segala pendeta. Ilmu itulah senjata yang boleh didapati dengan dia kemenangan di dalam medan peperangan kehidupan dan ia lah jua persambungan yang teguh bagi menyampaikan orang yang berkehendak akan setinggi-tinggi darjat kebesaran dan kelebihan. Ilmu itulah perbendaharaan hakikat, dan persimpunan hikmat, dan saluran kesempurnaan dan cahaya akal yang menerangi cuacanya seluruh negeri apakala ada ia menduduki di dalam dua sarang.

Pernyataan tentang hubungan rapat antara ilmu dan pendidikan dalam keluaran pertama majalah *al-Imam* di atas dinyatakan pula dalam keluaran pertama akhbar *al-Ikhwan* (al-Hadi 1926a), iaitu ‘Pendidikan. Pendidikan. Pengetahuan. Pengetahuan. Libatkan dirimu dalam bidang pengetahuan, perluaskan tenagamu dalam mendapatkan pekerjaan, dan pupuklah anak-anakmu agar menyukai pendidikan dan pengetahuan dari usia mereka masih muda’. Penggunaan berulang-ulang perkataan pendidikan dan pengetahuan menunjukkan penegasan beliau tentang kepentingan kedua-dua perkara tersebut. Kepentingan tersebut adalah berkait rapat dengan matlamat ilmu dan pendidikan dalam kehidupan khalayak pembaca dan orang Melayu umumnya.

TUJUAN DAN MATLAMAT ILMU

Al-Hadi memperlihatkan rasa hormat yang sangat tinggi terhadap ilmu. Justeru, beliau berusaha menyemai sikap hormat dan rasa cinta yang mendalam terhadap ilmu dalam kalangan pembacanya seperti yang dijelaskan dalam satu daripada objektif akhbar *al-Ikhwan*, iaitu ‘untuk memupuk perasaan cintakan ilmu kepada pembaca’. Ini berikutan rasa cinta kepada ilmu pengetahuan akan memberi seseorang itu manfaat daripada kelebihan ilmu tersebut, dan seterusnya membolehkannya menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang dinamik dan progresif. Hal ini dibuktikan oleh umat Islam terdahulu apabila mereka memperlihatkan kesungguhan yang tinggi dalam mempelajari ilmu, selain berusaha menghapuskan kejahilan dalam kalangan manusia.

Pendirian mereka ini dilihat berbeza daripada sikap umat Islam pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M yang kurang menunjukkan minat terhadap ilmu pengetahuan. Generasi umat Islam abad mutakhir tidak memberi perhatian kepada usaha mencari ilmu atau penyebarannya, di samping mengabaikan keperluan mempelajari ilmu-ilmu moden seperti sosiologi, kemahiran, sains dan teknologi. Pembelajaran dan penguasaan ilmu-ilmu ini dianggap penting kerana ia membuka peluang pekerjaan yang lebih baik kepada orang Melayu dalam masyarakat berbilang (Anon 1906; Anon 1926; al-Hadi 1926a).

Matlamat ini adalah selari dengan keperluan dan kehendak pada zaman itu yang menekankan kepentingan aspek intelektual dan pendidikan dalam menghasilkan tenaga kerja yang mahir. Bersesuaian dengan keperluan ini, al-Hadi (1926a; Anon 1926;) menyarankan agar orang Melayu mempelajari ilmu yang sesuai dengan tuntutan zaman mereka bagi memastikan mereka mengetahui jalan ke arah kemajuan dan bagi mencapai kejayaan yang telah diperoleh oleh bangsa lain di Tanah Melayu. Pernyataan ini adalah berikutan ilmu pengetahuan dan pendidikan adalah amat berguna dan berfaedah untuk meletakkan mana-mana bangsa setanding dengan bangsa lain yang telah maju. Menurut al-Hadi (1907) lagi, seseorang individu hanya akan dihormati kerana ilmu pengetahuan, tahap intelektual dan keupayaannya untuk bersaing dengan orang lain. Bahkan individu ini mampu dan berusaha mewujudkan bekerjasama dengan bangsa yang lebih maju untuk bertukar-tukar pengetahuan dan kepakaran sebagai satu usaha untuk mempelajari sesuatu yang boleh dimanfaatkan daripada bangsa tersebut.

Al-Hadi (1926a; Anon 1926) juga menegaskan maruah dan harga diri seseorang adalah berkait rapat dengan ilmu pengetahuannya. Seorang tokoh intelektual dihormati kerana tahap keilmuannya yang menjadi faktor kepada ketinggian maruah dan harga diri. Justeru, orang yang berilmu dan kuat bekerja wajar dianggap sebagai pemimpin kepada orang yang jahil, tidak berpelajaran dan malas. Malah orang yang berilmu perlu diberi penghormatan disebabkan intelektualiti dan tanggungjawab yang lebih besar terhadap negara, manakala orang yang jahil akan hidup dalam penyesalan dan kerugian kerana tidak bersikap proaktif terhadap ilmu. Dalam artikel bertajuk, ‘*al-Sharf: Kemuliaan atau Kehormatan*’, al-Hadi (1927: 25) menjelaskan maksud sebenar maruah dan kemuliaan seperti katanya, “Adakah kita pernah mendengar orang, yang telah meninggalkan nama yang baik di dunia ini kerana pingat dan pangkat mereka? Tidak! Seseorang yang diingati

sepanjang hayat beliau kerja dan pengetahuan yang telah memberi manfaat kepada masyarakat beliau, meninggalkan asas bagi orang lain untuk meneruskan kerja-kerja yang baik selepas kematiannya”.

Berdasarkan kenyataan di atas, pingat, status, harta dan kekayaan tidak dianggap sebagai kemuliaan yang sebenar. Sebaliknya, usaha sepanjang hayat manusia dan ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat merupakan tanda kehormatan manusia yang sebenar. Individu sebegini menggunakan sepenuhnya ilmu pengetahuan yang dimiliki untuk menyumbang kepada bangsa dan negara. Dalam hal ini, sumbangan seseorang terhadap negara akan dilihat oleh generasi selepasnya dengan rasa kagum dan hormat yang mendalam (al-Hadi 1927). Pandangan bahawa ilmu adalah petanda sebenar kemuliaan dan kehormatan seseorang juga dinyatakan dalam *Pengasuh*, iaitu akhbar golongan tradisionalis pada masa itu yang sesekali menerbitkan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan orang Melayu. Satu daripada artikelnya menyatakan bahawa ilmu pengetahuan adalah kunci dan keperluan seseorang untuk mendapat kehormatan, maruah dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bagaimanapun, penghormatan yang sebenar bagi seseorang tidak bergantung kepada ilmu pengetahuan semata-mata tetapi turut berkait rapat dengan adab dan moral yang bertamadun. Sesebuah masyarakat hanya dapat diurus dan dibangunkan jika ahli komunitinya dilengkapi dengan pendidikan yang baik, serta mengamalkan adab dan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang bertamadun (Mahmud 1918).

Perbincangan tentang kehormatan yang sebenar ini menunjukkan ilmu pengetahuan dilihat sebagai ‘senjata’ penting untuk membawa perubahan dan peningkatan dalam masyarakat. Hal ini kerana ilmu pengetahuan telah digunakan oleh bangsa yang progresif sebagai alat untuk lebih maju di Tanah Melayu. Meskipun ilmu pengetahuan dianggap sebagai tanda penghormatan sebenar seseorang, ia mestilah seiring dengan elemen adab dan moral yang mencerminkan ketamadunan seseorang individu atau sesebuah bangsa (Mahmud 1918). Sejarah dan tamadun dunia memperlihatkan orang yang berpelajaran lazimnya memainkan peranan penting dalam menambah baik dan membangunkan negara. *Teriak yang Sebenar* (al-Hadi 1926b: 2-3) menyatakan mereka yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dan akal yang baik adalah bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan masyarakatnya seperti mana berikut:

Tetapkan perhatian kamu. Kemudian tilik dengan perasaan dan pengetahuan. Nescaya nyatalah kepada kamu bahawa adalah kamu itu tiang perdirian dan ruh kehidupan kaum bangsa dan watan kamu. Dengan kamulah hidupnya dan kerana kamulah fana’ dan binasanya. Dengan kamulah kemuliaan dan kekayaannya. Dan kerana kamulah kesusahan dan kehinaan.... Tetapi hendaklah kamu beriktikad dan percaya bahawa tiap-tiap kemuliaan dan kelebihan yang tidak dibangunkan di atas *foundation* kemuliaan bangsa dan watan kamu itu ialah kemuliaan dan kelebihan yang dusta. Bermula tiap-tiap orang yang telah melihat dirinya itu lemah sama sekali daripada membuat apa-apa jua pekerjaan yang memuliakan kaum bangsa dan watanmu itu maka orang itu kafir ianya akan nikmat akal haram ianya daripada sifat kesempurnaan manusia yang telah ditinggikan dan dilebihkan oleh Tuhan berapa darjat daripada segala binatang.

Kenyataan di atas memperlihatkan pandangan al-Hadi tentang hubungan erat antara ilmu pengetahuan dan sumbangan para ilmuwan kepada negara. Hal ini boleh dicontohi daripada perbuatan para ulama dan pemikir Islam lampau yang terkenal dalam tamadun dunia dan tamadun Islam khususnya kerana dua faktor, iaitu penguasaan ilmu dan sumbangan mereka ke arah kemakmuran tamadun. Mereka mempunyai kesedaran tentang peranan dan kedudukan ilmu pengetahuan, yang ‘menjadikan manusia sebagai sebenar-benar manusia, sebagai makhluk yang bercita-cita dan mempunyai nilai-nilai yang tinggi, dan sebagai khalifah Tuhan di muka bumi. Ilmu mencantikkan kehidupan seseorang dan menyemai dalam dirinya dengan semangat kesalihan’ (Siddiqui 1991: 10). Keadaan ini boleh dicapai dengan memiliki kesedaran tentang Tuhan yang menjadi sumber segala ilmu. Mereka yang mampu untuk mencapai kesedaran itu adalah mereka yang benar-benar memahami matlamat sebenar ilmu. Kefahaman seumpama ini hanya diperoleh melalui proses pembelajaran ilmu dan pendidikan yang betul.

SUMBER ILMU

Dalam artikel bertajuk ‘Menuntut Ketinggian akan Anak-anak’, al-Hadi (1907: 25-30) berkata:

Lihatlah kebanyakan bangsa Cina keluar ia daripada negerinya datang ia ke negeri kita kebanyakan mereka itu sampai ke mari dengan segulung tikarnya dan sehelai seluarnya berikat perutnya. Datang mereka itu ke mari kerana hendak menghilangkan laparnya dengan usaha titik peluhnya maka telah jadi kebanyakan mereka itu tuan tanah tuan rumah empunyai kebun dan harta empunyai gudang dan kota menjalankan pekerjaan pada tiap-tiap gudang dan bank. Tidak menegahkan mereka itu daripada beroleh ketinggian keadaan mereka itu dagang. Adakah patut bahawa kita ini terlebih kurang daripada mereka itu usaha cerdik dan ilmu dan amal dan murah dan berkasih-kasih setengah dengan setengahnya padahal kita Muslimin percaya akan Qur’an yang menyuruh pada tiap-tiap kelebihan?

Kenyataan di atas memperlihatkan elemen kemajuan dan pembangunan yang disebut dalam al-Qur'an adalah berhubung kait dengan aspek ilmu pengetahuan. Kepentingan ilmu pengetahuan adalah jelas dalam Islam apabila wahyu yang pertama mengajak manusia untuk mencari dan menimba ilmu. Syed Sheikh (t.th.a.) menegaskan bahawa kemunduran orang Melayu pada masa itu adalah disebabkan mereka kurang menitikberatkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan gagal memahami kandungan al-Qur'an yang membincangkan pelbagai prinsip ilmu yang menjadi asas kejayaan para sarjana dalam tamadun Islam. Al-Qur'an sentiasa menggalakkan umat Islam untuk menggunakan akal dan bekerja keras untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Dalam usaha untuk mencapai kejayaan, Islam tidak menuntut manusia untuk memberi tumpuan hanya kepada keperluan rohaniah tetapi juga menyeru manusia supaya mengkaji kandungan al-Qur'an yang berkaitan dengan keperluan material manusia. Hal ini kerana ilmu naqli dan ilmu 'aqli mempunyai kepentingan masing-masing dalam kehidupan manusia. Ilmu naqli melengkapkan manusia dengan aspek-aspek kerohanian, manakala ilmu 'aqli menyediakannya peluang untuk mencapai kejayaan di dunia ini (al-Hadi t.th.b.).

Selain daripada al-Qur'an, al-Hadi (1930b) menyatakan hadith Rasulullah SAW juga adalah sumber utama ilmu pengetahuan. Terdapat hadith Baginda yang membincangkan tentang ilmu pengetahuan, nilai, galakan mencari ilmu, cara penyebarannya dan amalannya dengan saranan hadith yang menyeru umat Islam untuk menimba ilmu. Ringkasnya, al-Sunnah ialah sumber primer ilmu pengetahuan yang dirujuk selepas al-Qur'an. Tujuan hadith tersebut diterbitkan dalam akhbarnya, menurut al-Hadi (1930b), adalah untuk menanam dalam diri orang Melayu minat mencari dan mempelajari pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menjelaskan ilmu pengetahuan adalah tidak terbatas kepada fiqh semata-mata, sebagaimana yang difahami oleh majoriti orang Melayu. Obsesi sedemikian adalah jelas dalam kalangan golongan tradisionalis agama pada zaman itu apabila mereka meneghaskan maksud hadith tersebut kepada ilmu fiqh. Sikap mereka yang membataskan ilmu kepada disiplin fiqh sahaja secara tidak langsung menafikan kepentingan prinsip-prinsip disiplin ilmu lain dalam al-Qur'an.

Islam juga meletakkan akal pada kedudukan yang tinggi. Islam menghormati akal manusia atas kapasitasnya membolehkan manusia untuk mengiktiraf

kewujudan, kesatuan, kuasa dan rahmat Tuhan. Selain daripada kelebihan akal dari konteks spiritual, akal adalah berguna dalam proses menuntut ilmu (al-Hadi t.th.b.). Islam dan akal diperlukan untuk mendapatkan pemahaman yang betul dalam pelbagai disiplin ilmu naqli dan ilmu 'aqli. Usaha manusia yang digabungkan dengan penggunaan akal yang betul dan ilmu pengetahuan yang kukuh akan mewujudkan lebih banyak peluang untuk mencapai kejayaan yang seimbang. Penggunaan akal membawa perkembangan baru dalam bidang ilmu 'aqli yang menawarkan kelebihan yang lebih banyak kepada pembangunan modal insan. Bahkan ilmu 'aqli mempunyai manfaat yang besar untuk membolehkan manusia memenuhi tuntutan dan kehendak zaman. Walaupun ilmu 'aqli bergantung kepada akal untuk mengesahkan kesahihannya, al-Hadi (t.th.b.) menegaskan bahawa akal yang rasional menolak sebarang pendapat atau fakta yang bercanggah dengan kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam kata lain, penggunaan logik akal mempunyai had yang tertentu dan tidak diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi daripada al-Qur'an atau al-Sunnah.

JENIS DAN HIERARKI ILMU

Ilmu pengetahuan, menurut al-Hadi (Anon 1929), terbahagi kepada dua kategori, iaitu ilmu *yaqini* dan ilmu *zanni*. Ilmu *yaqini* adalah ilmu yang berasal semata-mata daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru, ilmu ini adalah sah dengan sendirinya dan dikenali sebagai ilmu agama (ilmu naqli). Kategori ilmu yang kedua, iaitu ilmu *zanni* merujuk kepada ilmu moden (ilmu 'aqli) yang berdasarkan rasional dan hipotesis manusia yang disimpulkan daripada akal dan ada unsur keraguan. Kesahan akal adalah tidak mutlak dan adalah agak mustahil untuk memastikan kebolehpercayaannya. Oleh itu, akal tidak boleh dilihat lebih penting daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam usaha mencari ilmu.

Klasifikasi ilmu tersebut adalah agak berbeza daripada pengelasannya oleh Muhammad 'Abduh, pelopor idea pembaharuan di Mesir pada zaman itu, yang membahagikan ilmu kepada tiga kategori, iaitu *al-'ulum al-Islamiyyah* (sains Islam), *al-'ulum al-naqliyyah* (sains naratif) dan *al-'ulum al-wad'iyyah* (sains tradisional). Sains Islam adalah menjadi fardu 'ain, manakala dua kategori ilmu yang lain adalah fardu kifayah. Begitupun, klasifikasi ilmu ini adalah tertakluk kepada perubahan. Al-Ghazali, sebagaimana dipetik oleh 'Abduh, menjelaskan ilmu pengetahuan yang bersifat fardu 'ain adalah ilmu-ilmu yang telah

diketahui sebagai wajib ke atas setiap Muslim. Sebaliknya, ilmu yang dikategorikan sebagai fardu kifayah adalah ilmu yang penting untuk kehidupan di dunia ini seperti ilmu perubatan dan aritmetik (‘Imarah 1993).

Pengklasifikasian ilmu kepada dua jenis, iaitu ilmu *yaqini* (ilmu agama atau ilmu naqli) dan ilmu *zanni* (ilmu moden atau ilmu ‘aqli) oleh al-Hadi tidak membincangkan secara jelas kefarduan mempelajari kedua-dua jenis ilmu tersebut. Bagaimanapun, ilmu *yaqini* diletakkan pada tahap yang lebih tinggi daripada ilmu *zanni*. Ilmu *yaqini* menjadi ‘pelindung’ kepada ilmu *zanni* kerana akal yang digunakan dalam ilmu *zanni* perlu dibimbing dengan sempurna melalui wahyu. Oleh itu, hierarki ilmu agama adalah di atas ilmu moden untuk menjamin kehidupan yang baik, kemakmuran, kebahagiaan dan kemajuan di dunia dan di akhirat (Anon 1928a). Pembelajaran ilmu *yaqini* adalah penting untuk menjadi asas kepada disiplin ilmu yang lain. Hal ini kerana ilmu *yaqini* yang kukuh akan memastikan perbuatan seseorang itu tidak terkeluar daripada konsep iman yang sebenar dan ajaran Islam yang betul yang meletakkan kepercayaan kepada Tuhan dan Rasul-Nya menjadi titik fokus setiap tingkah laku dan usaha dalam hidup (Ibrahim 1994).

Selain kewujudan hierarki antara ilmu *yaqini* dan ilmu *zanni*, konsep ilmu oleh al-Hadi menunjukkan ilmu *yaqini* mempunyai hierarki yang tersendiri. Ia merangkumi disiplin ilmu tauhid, fiqh, pengajian al-Qur’an dan hadith. Hal ini adalah berdasarkan kenyataan Ibrahim (1994: 129) apabila beliau menyatakan:

In his classification of the sciences, al-Hadi placed Islamic theology in the highest place or at the centre of all sciences. The other sciences supported and strengthened Islamic theology (Tawhid) and occupied an auxiliary position. Among these sciences were physiology, surgery, history, mathematics, physics and others which improved the mind. They also supported Islamic law (fiqh).

Kenyataan di atas adalah merujuk kepada kata-kata al-Hadi (1930b: 74), iaitu:

Sebenarnya adalah ilmu tauhid dan ilmu fiqh itu tiadalah boleh mendapat manfaat daripadanya jikalau belum lagi didahului oleh pengertian dan pengetahuan-pengetahuan yang am dan tujuan kehendak-kehendak beberapa macam ilmu. Bukankah ilmu tauhid itu kesudah-sudahan segala ilmu semuanya dan pati perhimpunan segala jenis ilmu? Dan bukankah ilmu fiqh itu *shari’at* yang dikerjakan oleh tiap-tiap seorang pada berhubungan dengan Tuhannya dan peraturan pekerjaan yang dijalankannya dengan sekalian jenis manusia? Bermula kedua-dua jenis ilmu ini berhajatlah bagi menyempurnakan pengetahuan kepadanya dengan ilmu yang memberi pengetahuan kepada ilmu susunan kejadian manusia seumpama ilmu belah membelah, potong

memotong supaya mengetahui akan hakikat tiap-tiap suatu anggota itu punya kejadian dan kewajibannya, demikian juga ilmu tarikh, riadah, ilmu tabiat dan lain-lainnya yang meninggikan fikiran dan meluaskan akal.

Ringkasnya, kedua-dua ilmu tauhid dan ilmu fiqh berperanan untuk melengkapkan semua cabang ilmu pengetahuan manusia. Ilmu tauhid adalah pusat segala ilmu dan ia berada pada hierarki tertinggi dalam disiplin ilmu. Begitupun, perbincangan al-Hadi tidak menyentuh tentang sub-disiplin dalam ilmu tauhid seperti *usul al-din* (metafizik) dan tasawuf. Setiap cabang ilmu ini mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam hierarki ilmu Tauhid.

Ilmu pengetahuan, menurut al-Hadi (1930b: 75), adalah satu entiti tunggal yang digambarkan beliau, “seumpama suatu pohon kayu yang mempunyai beberapa cawangan dan dahan yang berhubung sekaliannya itu kepada pangkal yang satu dan memakan ia akan makanan kehidupannya daripada perdu (pangkal) yang satu yang memberi kehidupan kepada pohon itu hingga mengeluarkan buahnya yang lazat, iaitulah ertinya mengetahui hakikat tiap-tiap suatu yang maujud di dalam alam ini”. Dalam hal ini, tauhid adalah punca ilmu pengetahuan apabila ia berperanan untuk memahami realiti setiap makhluk yang ada dalam alam semesta. Ilmu-ilmu lain adalah cabang kepada tauhid manakala buah-buahan pokok ini merujuk kepada kelebihan semua ilmu ini dalam kehidupan seseorang di dunia dan di akhirat (al-Hadi 1930a). Tindakan dan perbuatan manusia adalah berkait rapat dengan ilmu dan akalnya. Justeru, pengajian ilmu tauhid akan mewujudkan rasa takut kepada Allah SWT dalam kehidupan hariannya kerana ilmu tauhid membawa manusia untuk mengiktiraf kehadiran Tuhan pada setiap masa dalam semua keadaan (Anon 1928a).

Ringkasnya, ilmu adalah anugerah Allah SWT kepada manusia, yang dikurniakan dengan akal yang menjadi satu daripada sumber ilmu pengetahuan. Islam meletakkan Allah SWT sebagai pusat segala ilmu pengetahuan, sama ada berupa ilmu naqli mahupun ilmu ‘aqli (Siddiqui 1991). Hal ini sejajar dengan pandangan al-Hadi (1930b: 74) bahawa kedua-ilmu ini menuju kepada satu titik pusat yang sama, iaitu konsep tauhid sebagaimana katanya, “doktrin tauhid adalah inti pati dan pengakhiran semua pengetahuan”. Oleh itu, mereka yang menggunakan akal akan mengakui keperluan untuk melengkapkan diri dengan konsep tauhid yang kukuh dalam mempelajari ilmu naqli dan ilmu ‘aqli. Tauhid, sebagaimana dinyatakan sebelum ini, akan menjadi ‘pelindung’ dalam mempelajari ilmu ‘aqli untuk memastikan seseorang itu mendapat manfaat

duniawi dan ukhrawi. Sikap enggan belajar adalah bercanggah dengan ajaran Islam yang betul kerana Islam sentiasa menggalakkan manusia untuk mencari dan menuntut ilmu (al-Hadi 1907).

ILMU DALAM MASYARAKAT MELAYU

Pandangan al-Hadi tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan pendidikan dipengaruhi pemerhatiannya terhadap kehidupan sosial komuniti Melayu yang lebih mundur apabila dibandingkan dengan bangsa lain yang baru tinggal di Tanah Melayu. Ilmu pengetahuan yang sempit dalam kalangan orang Melayu, iaitu minat yang kurang terhadap ilmu, terutamanya ilmu ‘aqli, dan kecenderungan untuk berseronok menjadi punca utama keterbelakangan mereka. Keadaan mereka berbeza daripada kehidupan bangsa Cina yang lebih makmur dan lebih berjaya kerana, “orang-orang Cina tidak berpuas hati dengan keuntungan yang diperolehi dalam negara ini. Pemimpin-pemimpin dan golongan berada mereka bersama-sama membentuk organisasi untuk tujuan kebajikan bangsa mereka sendiri dan membina sekolah-sekolah di seluruh Tanah Melayu untuk tujuan pendidikan anak-anak mereka” (al-Hadi 1907: 31). Senario ini dilihat sebagai pemangkin kepada al-Hadi untuk membawa perubahan melalui ilmu dan pendidikan dalam masyarakat Melayu.

Sikap negatif orang Melayu terhadap ilmu ‘aqli dikatakan hampir sama dengan sikap orang Islam di negara-negara lain. Dalam hal ini, Jamaluddin al-Afghani (dalam Ali 2002) pernah menyatakan orang Islam tidak cenderung kepada ilmu pengetahuan. Mereka menunjukkan kecenderungan kepada ilmu naqli dan kurang berminat terhadap ilmu yang baru diterokai dan ditemui. Hakikatnya, semua cabang ilmu pengetahuan adalah penting untuk pembangunan umat Islam dan untuk membolehkan mereka bersaing dengan bangsa dan negara lain, terutamanya Barat. Penguasaan Barat ke atas orang Islam adalah melalui usaha mereka dalam ilmu dan pendidikan akibat keengganan orang Islam untuk melibatkan diri secara proaktif dalam aspek ini. Justeru, pembelajaran semua disiplin ilmu adalah amat perlu kerana ilmu dianggap sebagai alat untuk membangunkan umat Islam dan untuk bersaing dengan bangsa lain.

Sikap tidak proaktif orang Melayu terhadap ilmu menghalang mereka daripada mengiktiraf kecemerlangan generasi dan sumbangan besar orang Islam masa lampau dalam ilmu dan teknologi. Dalam hal ini, al-Hadi (1930b: 66-67) menegaskan apa yang berlaku pada masa itu sebagaimana berikut:

Sebelum sampai dua ratus tahun daripada mula zahir Islam ini melainkan telah teranglah negeri-negeri yang dimasukinya itu dengan cahaya ilmu yang dihamburkan oleh sekalian orang-orang Islam, dan suburlah di dalam segala negeri-negeri yang dimilikinya atau dinaunginya itu segala jenis ilmu, maka tidaklah sekali-kali orang-orang Islam dan penduduk-penduduknya yang pada masa itu meninggalkan suatu pun daripada cawangan ilmu-ilmu melainkan dipelajarinya dan dikarangkan oleh mereka itu ke dalam bahasanya beberapa tambahan dan keterangan yang telah memberi guna sekalian jenis manusia... adapun pergerakan kemajuan kaum Islam bagi berkhidmatkan serba jenis ilmu itu am di dalam tiap-tiap perkara yang terlintas pada fikiran, terpancang oleh mata, dan boleh didapati oleh pendapatan manusia. Suatu puak bekerja bagi mendapatkan ilmu tauhid, puak yang lain memeriksa ilmu tabi‘at, di dalam masa satu puak lagi memeriksa ilmu falak, maka puak yang lainnya pula meluaskan ilmu hisab, ilmu geografi, ilmu tarikh falsafah dan ilmu perangai. Maka tidaklah sekali-kali orang Islam pada masa itu meringan-ringankan ilmu pertukangan dan perniagaan.

Sikap dan kecenderungan orang Melayu terhadap satu aspek ilmu sahaja dikaitkan dengan ajaran yang disampaikan oleh segolongan ulama Melayu tradisional (Anon 1928b: 90-91) sebagaimana berikut:

Kaum Melayu ini ialah suatu kaum yang sangat mulia perasaannya, mulia perhatiannya, dan bolehlah dikatakan bahawa kaum ini masih di dalam kejadian fitrahnya menurut dan mengikut sangat-sangat mereka itu akan apa-apa jua pengajaran dan pertunjukan yang dikatakan ialah kehendak-kehendak dan tuntutan agama... Bermula yang berkuasa sekali pada menarik mereka itu dengan segera kepada benar dan jalan yang lurus bagi menyampaikan kepada ketuhanan di dalam perhimpunan kehidupan dunianya bagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam atau katalah bagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya dengan perjalanan agama Islam ini ialah ketua-ketua agama yang sangat-sangat dipercayai oleh kebanyakan kaum yang sangat daif di dalam perikatan kehidupan perhimpunan ini. Tetapi ketua-ketua agama kita itu kebanyakannya tidak menjalankan kewajibannya seperti yang dipercayakan ke atasnya.

Ulama tradisional juga dikatakan mendakwa bahawa Islam menyeru umatnya untuk belajar ilmu naqli sahaja. Selain daripada memberi penekanan kepada pembelajaran ilmu naqli sahaja, mereka tidak menggalakkan usaha untuk mempelajari ilmu ‘aqli kerana dianggap tidak berfaedah atau berkaitan dengan ajaran Islam. Bahkan usaha mempelajari ilmu ‘aqli adalah tidak wajib kerana merupakan tanggungjawab kolektif masyarakat yang berbentuk fardu kifayah. Sebarang bentuk usaha menggunakan ilmu tersebut untuk kemajuan hidup dianggap sia-sia kerana tidak mempunyai hubungan kait dengan agama. Mereka, menurut al-Hadi (1930b: 68), menegaskan “sehabis-habis tinggi pengetahuan yang berguna kepada mereka itu ialah boleh membaca Arab *Bi ism Allah al-Rahman al-Rahim* seribu macam dan boleh menyebutkan makna Qur’an ke dalam al-

Fatihah dan menyebutkan makna al-Fatihah ke dalam *basmalah...*”.

Kedudukan ilmu moden sebagai satu disiplin pengajian yang penting dan sangat relevan dengan keperluan zaman itu dapat dilihat dalam akhbar *Pengasuh* apabila terdapat galakan supaya mengambil manfaat daripada apa yang baik yang dibawa dari Barat dan menjauhi sebarang pengaruh negatif. Dalam hal ini, orang Melayu digesa agar melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu yang boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada diri mereka dan masyarakat (Muhammad Daud 1918). Pernyataan ini adalah satu reaksi kepada obsesi orang Melayu, sebagaimana dakwaan al-Hadi, untuk belajar satu bidang ilmu sahaja, iaitu ilmu agama yang menyebabkan mereka menjadi mundur. Pandangan bahawa orang Melayu adalah bangsa yang mundur akibat keengganan mereka untuk mempelajari kedua-dua bidang ilmu adalah selari dengan pendapat ‘Abduh, yang mendapati kelemahan umat Islam adalah berkait rapat dengan pembatasan mempelajari ilmu agama semata-mata (Badawi 1978). Keperluan mempelajari ilmu moden sebagai mana kenyataan ‘Abduh yang dipetik oleh Rida (1931: 40) dapat dilihat daripada pernyataan berikut:

If this is our position in relation to disciplines which grew in Muslim environments for the last thousand years and which were inherited by us, what I wonder will be our position in relation to the new and useful sciences which are essential to our life in this age and which is our defence against aggression and humiliation and which is further the basis of our happiness, wealth and strength. These sciences we must acquire and we must strive towards their mastery.

Pandangan ‘Abduh tentang kepentingan ilmu moden mungkin dipengaruhi al-Afghani yang menggalakkan pembelajaran ilmu moden dan menyelar ulama tradisional yang memperlihatkan sikap ‘permusuhan’ terhadap ilmu moden. Para ulama ini telah membahagikan ilmu kepada dua kategori, iaitu sains Islam (ilmu naqli) dan sains Eropah (ilmu ‘aqli). Pembelajaran sains Eropah adalah dilarang. Tindakan golongan ini melarang pengajaran dan pembelajaran ilmu pengetahuan yang berguna dengan alasan untuk melindungi agama Islam telah memperlihatkan mereka sebenarnya adalah musuh-musuh agama (Ali 2002). Hal ini kerana mereka dianggap menolak pembaharuan dan kemajuan yang berguna yang dituntut dalam Islam.

Usaha mempelajari ilmu moden mampu membawa perkembangan dan kemajuan dalam mana-mana bangsa dan negara. Bahkan Islam mengiktiraf pemodenan sebagai satu proses yang

boleh menyebabkan umat Islam menjadi golongan yang lebih berwibawa dan bersedia untuk bersaing dengan orang lain. Kenyataan ini adalah selaras dengan ajaran yang terkandung dalam surah al-Qasas, ayat 77, mafhumnya, “Tetapi carilah, dengan (kekayaan) yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, rumah di akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia ini”. Ayat ini menunjukkan umat Islam perlu mengimbangi antara aspek rohani dan aspek material dalam kehidupan dan hal ini turut merangkumi pembelajaran kedua-dua ilmu agama dan ilmu moden. Islam memberikan manusia kebebasan untuk menuntut ilmu ‘aqli, sama sebagaimana dorongan untuk mempelajari ilmu naqli. Islam juga menggalakkan manusia untuk belajar ilmu yang dibangunkan oleh bangsa lain sekiranya berguna untuk kemajuan mereka. Pandangan tentang keharusan mempelajari ilmu yang berguna ini adalah selaras dengan prinsip al-Ghazali (t.th.) tentang ilmu pengetahuan. Ilmu tidak seharusnya dipersalahkan dalam konteksnya sebagai ilmu. Ia hanya boleh dianggap sebegitu apabila ia membawa kepada bahaya, apabila ia adalah kebanyakannya berbahaya dan apabila usaha mempelajarinya tidak memberi faedah atau manfaat ilmiah yang sebenar (Anon 1928a).

Kewajipan mempelajari ilmu naqli dan keperluan menuntut ilmu ‘aqli, seperti mana yang dianjurkan oleh Islam, mendorong al-Hadi (1926: 8) membuat gesaan agar peluang yang sama diberikan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan untuk mempelajari ilmu naqli dan ilmu ‘aqli seperti katanya, “Telah tersedarlah setengah daripada orang-orang Melayu hendak memberi pelajaran tinggi kepada anak lakinya. Tetapi apakah perasaan yang lain yang mempunyai anak-anak perempuan? Sebab setinggi-tinggi pelajaran kebanyakan anak-anak perempuan masa ini boleh memasak dan menyimpan rumah tangga... memasak itu habuan perut maka manakah pula habuan otak?... Maka ilmu yang dikehendaki di sini ialah ilmu perjalanan kemodenan sekarang sama ada pada pihak agama atau dunianya”. Bahkan golongan wanita mampu melaksanakan urusan rumah tangga dan tanggungjawab kepada suami dan anak-anak dengan jaya jika mereka dilengkapi diri dengan “ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan zaman mereka, sama ada ilmu agama atau moden”. Dalam kata lain, penguasaan orang Melayu dalam disiplin ilmu agama (ilmu naqli) dan ilmu moden (ilmu ‘aqli) adalah bertujuan untuk memastikan perkembangan, pencapaian dan kemajuan mereka adalah merangkumi kedua-dua gender lelaki dan wanita.

Ringkasnya, pandangan al-Hadi tentang kepentingan mencari ilmu pengetahuan moden bukan bermaksud beliau menerima idea pembaratan. Pembaratan atau westernisasi yang merujuk kepada sikap, watak, tingkah laku, idea-idea, kepercayaan dan pandangan kebaratan dilihat boleh menyesatkan orang Islam daripada ajaran agama yang sebenar seperti kata al-Hadi (1907: 3-4), “Hai segala umat Timur yang Islam yang terpedaya setengahnya dengan segala saduran umat Barat maka terbaliklah mereka itu jauh daripada agama mereka itu sendiri serta kerugian”. Keadaan ini berkemungkinan menyebabkan al-Hadi memberi penekanan yang besar terhadap usaha mempelajari kedua-dua ilmu agama dan moden dengan tujuan untuk mewujudkan keseimbangan antara aspek spiritual dan aspek material dalam kehidupan.

KESIMPULAN

Kajian ini menghujahkan bahawa ilmu pengetahuan yang seimbang, iaitu yang mengintegrasikan antara ilmu naqli (ilmu agama) dan ilmu ‘aqli (ilmu moden) akan memperlihatkan kepada mereka yang berakal satu konsep yang jelas dan pemahaman yang baik tentang ajaran agama. Kegagalan seseorang untuk mengakui kepentingan dan kaitan antara elemen ilmu, akal dan agama akan membawa kepada penyelewengan dalam tingkah laku dan amalan, serta kegagalan memahami peranannya yang sebenar terhadap agama, bangsa dan negara. Kajian ini mempunyai signifikansi dalam mendepani cabaran abad ke-21 kerana integrasi ilmu naqli dan ilmu ‘aqli adalah masih relevan dalam mendepani arus kemajuan hari ini yang berteraskan sains dan teknologi. Integrasi ilmu dalam ruang lingkup satu disiplin, pelbagai disiplin dan transdisiplin adalah satu perkara yang perlu dibuat kajian lanjut untuk menjelaskan keperluan integrasi ilmu yang sebenar.

Berkenaan dengan sikap negatif orang Melayu terhadap ilmu moden, penolakan mereka mempunyai hubungan kait dengan kedudukan ilmu moden yang dianggap baru dan asing dalam konteks tradisi keintelektualan Melayu. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan Swettenham (2007: 2) bahawa orang Melayu adalah seperti berikut:

Seorang yang agak konservatif, bangga dan cintakan tanah air dan rakyatnya, memuliakan adat resamnya, takut kepada rajanya, dan menghormati pihak berkuasa – tetapi ia mencurigai semua jenis pembaharuan dan akan menentang apa-apa pembaharuan yang dipaksakan ke atasnya. Tetapi jika diberi masa untuk meneliti sesuatu itu dengan berhati-hati, dan tidak dipaksakan

ke atasnya, maka dia boleh dipujuk atau diyakinkan tentang kebaikan sesuatu yang baru... Namun demikian dia seorang yang agak malas, dia tidak mempunyai sistem atau cara yang tertentu, tidak ada peraturan walaupun dalam hal waktu makan, dan tidak mementingkan soal masa.

Berdasarkan pernyataan di atas, sikap konservatif orang Melayu dan kecurigaan mereka terhadap pembaharuan khususnya dalam aspek ilmu dan pendidikan menjadi satu daripada faktor penting kepada sikap negatif mereka terhadap ilmu moden. Begitupun, pernyataan al-Hadi, bahawa mereka lebih cenderung untuk berseronok jika dibandingkan dengan kecenderungan untuk belajar sehingga membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang baik dan mereka, sepertimana pernyataan Swettenham, turut dilabelkan malas adalah berkait rapat dengan sistem kerja kapitalisme kolonial pada waktu itu.

Pelabelan imej malas kepada orang Melayu, menurut Syed Hussein (2009), adalah kesan daripada falsafah kapitalisme kolonial. Orang Cina dan India dianggap lasak kerana mereka sanggup melakukan jenis kerja paling rendah berbanding orang Melayu yang mengelakkan diri daripada melakukan kerja sedemikian. Sistem kerja dalam kapitalisme kolonial ialah, “bagi seorang pekerja, untuk disebut lasak, ia harus menjadi “keldai di antara bangsa-bangsa – mampu melakukan tugas terberat dalam keadaan yang paling sulit; toleran terhadap segala jenis cuaca dan serangan penyakit; makan sedikit dan kurang minum; bingung dan tidak berperasaan; tanpa kasih sayang dan berguna dalam darjat yang tertinggi”. Mereka yang melakukan kerja selain daripada “keldai di antara bangsa-bangsa” adalah dianggap malas. Justeru, orang Melayu adalah pemalas kerana mereka memilih untuk bekerja di luar ruang lingkup konsep kerja yang diterapkan oleh kapitalisme penjajah. Mereka tidak terlibat dalam kegiatan di ladang milik kolonial Inggeris mahupun kegiatan ekonomi moden di kota yang dikuasai kapitalis kolonial. Konsep kerja yang tidak selari dengan eksploitasi kapitalis kolonial ke atas tanah jajahan pada abad ke-19M adalah titik permulaan komuniti peribumi dianggap pemalas.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Skim Geran Pembudayaan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kod penyelidikan USIM/RAGS/PPT/ULUM/36/51912.

RUJUKAN

- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari, Kamaruzaman Jusoff, Noor Inayah Yaakub, Wan Kamal Mujani, Wan Mohd Hirwani Wan Hussain and Zinatul Ashiqin Zainol. 2011a. Syed Shaykh Ahmad Alhady: a religious education reformist in the late 19th and early 20th century. *Middle-East Journal of Scientific Research* 7(Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East): 14-21.
- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari, Kamaruzaman Jusoff, Noor Inayah Yaakub, Wan Kamal Mujani, Wan Mohd Hirwani Wan Hussain and Zinatul Ashiqin Zainol. 2011b. Child development from the perspective of Syed Shaykh Ahmad Alhady. *Middle-East Journal of Scientific Research* 7(Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East): 1-6.
- Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari, Kamaruzaman Jusoff, Noor Inayah Yaakub, Wan Kamal Mujani, Wan Mohd Hirwani Wan Hussain and Zinatul Ashiqin Zainol. 2011c. Malay society of the late 19th and early 20th century: blind imitation vs independent reasoning. *Middle-East Journal of Scientific Research* 7(Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East): 7-13.
- Ali, Sheikh Jameil. 2002. *Sayyid Jamal al-Din al-Afghani and the West*. New Delhi: Adam Publishers and Distributors.
- Anon. 1906. Muqaddimah. *al-Imam*. 1(1): Julai 23.
- Anon. 1926. Pelajaran Melayu. *al-Ikhwān*. 1(2): Oktober 16.
- Anon. 1928a. Lebai pondok. *al-Ikhwān*. 2(10): Jun 16.
- Anon. 1928b. Antara *al-Ikhwān* dengan ketua-ketua agama. *al-Ikhwān*. 3(3): November 16.
- Anon. 1929. Wa hadha bayan li al-nas wa hudan wa maw'izatan li al-muttaqin. *al-Ikhwān*. 3(8): April 16.
- Badawi, M.A. Zaki. (1978). *The Reformers of Egypt*. London: Croom Helm.
- al-Edrus, Syed Muhamad Dawilah. 1993. *Epistemologi Islam: Teori ilmu dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. t.th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. t.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- al-Hadi, Sheikh Ahmad. 1907. Menuntut ketinggian akan anak-anak negeri. *al-Imam*. 2(1): Julai 12.
- al-Hadi, Sheikh Ahmad. 1927. *al-Sharf*: Kemuliaan atau kehormatan. *al-Ikhwān*. 1(11): Julai 16.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. 1926a. Pendahuluan. *al-Ikhwān*. 1(3): September 16.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. 1926b. Teriak sebenar. *al-Ikhwān*. 1(2): Oktober 16.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. 1930a. Anglo-Malay School fikiran Anak Negeri. *Saudara*. Julai 12.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. 1930b. Bukan sekali-kali ugama Islam ini sebab bagi kejatuhan kaum Islam. *al-Ikhwān*. 5(3): November 16.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. t.th.a. *Agama Islam pada Bicara 'Aqa'id dan Ibadat*. Singapura: al-Imam Printing Company Ltd.
- al-Hadi, Syed Sheikh Ahmad. t.th.b. *Ugama Islam dan Akal*. Kelantan: Perchetakan Pustaka Dian.
- al-Hadi, Syed Sheikh. 1930. Adakah kaum Melayu dapat melepaskan wujudnya daripada fana' dan hapus? *al-Ikhwān*. 5(2): Oktober 16.
- al-Hadi, Syed Sheikh. t.th. *Angan-angan Kehidupan*. Jil. 4. t.tp.: t.pt.
- Ibrahim Abu Bakar. 1994. *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syeikh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- 'Imarah, Muhammad. 1993. *al-A'mal al-kamilah li al-imam al-Shaykh Muhammad 'Abduh*. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- Mahmud Ismail. 1918. Pembukaan Pengasuh tahun yang pertama. *Pengasuh*. Julai 11.
- Muhammad Daud Fatani. 1918. Perbendaharaan yang tersembunyi. *Pengasuh*. Julai 24.
- Rida, Muhammad Rashid. 1931. *Tarikh al-Ustadh al-Imam Muhammad 'Abduh*. al-Qahirah: Matba'at al-Manar.
- Roff, W. R. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic periodicals: Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*. London: Oxford University Press.
- Siddiqi, Bakhtiar Husain. 1991. *Knowledge: An Islamic Perspective*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought.
- Swettenham, F. 2007. *Perihal Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Hussein Alatas. 2009. *Mitos Peribumi Malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Adibah Sulaiman @ Mohamad
Pusat Pengajian Teras
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
MALAYSIA
adibah@usim.edu.my
- Ezad Azraai Jamsari
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
ezad@ukm.edu.my
- Nurliyana Mohd Talib
Bahagian Falsafah dan Tamadun
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang
MALAYSIA
liyanatalib@gmail.com